

**SIARAN BERITA  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**CELCOM FIRST™ PERKENAL TEMAN SEMPURNA ANDA**

**KUALA LUMPUR, 16 OGOS 2017** – Ingin menonton video pada telefon pintar atau peranti anda tetapi kuota internet tidak mencukupi? Kini pelan pascabayar Celcom *FIRST™* menawarkan lebih internet sehingga 100GB dan PERCUMA 100GB Video Walla!

Pelan Celcom *FIRST™* telah dipertingkatkan bagi terus memberi keutamaan kepada pengalaman internet pelanggan dan memenuhi keperluan digital mereka. Pelanggan boleh memilih antara dua pelan terbaru Celcom *FIRST™* iaitu:

- *FIRST™ Gold Supreme* – RM 128 (25GB harian + 25GB hujung minggu + 25GB Video Walla Percuma)
- *FIRST™ Platinum Plus* – RM 188 (100GB Internet setiap hari+ 100GB Video Walla Percuma)

Pelan *FIRST™ Platinum* terkini untuk pelanggan baru dan yang sedia ada telah diperbaharui kepada RM148 bulanan (30GB harian + 30GB hujung minggu), dengan tambahan 30GB Video Walla Percuma! Kesemua pelan *FIRST™*, termasuk *FIRST™ Gold* pada RM80 (10GB harian + 10GB hujung minggu), dan *FIRST™ Gold Plus* pada RM98 (20GB harian + 20GB hujung minggu) ditawarkan bersama panggilan tanpa had, *Whatsapp* dan *WeChat*, serta penstriman muzik tanpa had dengan *Yonder*

Music.

## FIND A FIRST™ PLAN THAT MEETS YOUR NEEDS

	FIRST™ GOLD	FIRST™ GOLD PLUS	FIRST™ GOLD SUPREME <sup>NEW</sup>	FIRST™ PLATINUM	FIRST™ PLATINUM PLUS <sup>NEW</sup>
Monthly Commitment	RM80	RM98	RM128	RM148	RM188
Total Internet/month	<b>20GB</b> (10GB Internet + 10GB FREE Weekend Internet)	<b>40GB</b> (20GB Internet + 20GB FREE Weekend Internet)	<b>50GB</b> (25GB Internet + 25GB FREE Weekend Internet)	<b>60GB</b> (30GB Internet + 30GB FREE Weekend Internet)	<b>100GB</b> (Anyday Internet)
FREE Video Walla™	NA	NA	<b>25GB</b>	<b>30GB</b>	<b>100GB</b>
Calls – All Networks	Unlimited	Unlimited	Unlimited	Unlimited	Unlimited
SMS – All Networks	20sen/SMS	20sen/SMS	20sen/SMS	Unlimited	Unlimited
FREE WhatsApp & WeChat	Unlimited	Unlimited	Unlimited	Unlimited	Unlimited
FREE Yonder Music	Unlimited	Unlimited	Unlimited	Unlimited	Unlimited
Preferred Number	NA	NA	NA	✓	✓
Priority Customer Service	NA	NA	NA	Dial 1881	Dial 1881
<b>Add-Ons:</b>					
AnydayGB™ @ RM10	✓	✓	✓	✓	NA
NewPhone™	✓	✓	✓	✓	✓
EasyPhone™	✓	✓	✓	✓	✓
Add-On Internet	2GB @ RM20				
	5GB @ RM45	✓		✓	✓
	10GB @ RM80		✓		
<b>International Roaming</b>					
1-Day Calls & SMS PASS @ RM18	✓	✓	✓	✓	✓
1-Day Internet PASS @ RM38	✓	✓	✓	✓	✓
7-Day 3-in-1 PASS @ RM138	✓	✓	✓	✓	✓

Sempena musim perayaan yang istimewa, iaitu sambutan Kemerdekaan ke-60, Celcom memperkenalkan dua program terkini bagi membolehkan pelanggan memiliki telefon pintar baru dengan lebih mudah.

Sembilan model telefon pintar PERCUMA yang menjadi pilihan ramai seperti Huawei P10, iPhone 6 32GB, Samsung Galaxy J7 Pro, Oppo A77 dan banyak lagi akan ditawarkan kepada pelanggan. Bermula 16 Ogos sehingga 30 September, pelanggan yang mendaftar dengan pelan *FIRST™ Gold Plus*, *FIRST™ Gold Supreme*, *FIRST™ Platinum* dan *FIRST™ Platinum Plus* boleh memilih salah satu daripada model telefon yang ditawarkan. Pelanggan *FIRST™ Platinum Plus* pula akan menikmati diskaun sehingga 55% bagi siri Samsung S8 dan iPhone 7

Celcom *EasyPhone™* juga membolehkan pelanggan untuk memiliki sebuah telefon pintar pada harga yang berpatutan. Kini, sesiapa sahaja boleh memiliki peranti terbaru daripada 30 pilihan telefon pintar yang disediakan secara mudah dengan ansuran bulanan serendah RM30 sebulan.

SMARTPHONES FROM  
AS LOW AS RM30/MONTH  
WITH EasyPhone™



When are you switching to  
FIRST™ Gold Supreme or FIRST™ Platinum Plus?

Zalman Aefendy Zainal Abidin, Ketua Pegawai Pemasaran, Celcom Axiata Berhad berkata, pelan Celcom *FIRST™* telah diperbaharui untuk memberi pengalaman digital dan penstriman video yang terbaik tanpa kebimbangan akan kehabisan internet.

“Dengan internet yang begitu mewah, dan dipadankan dengan cara termudah untuk memiliki telefon bimbit terkini dalam pasaran, serta disokong oleh rangkaian *Lightning Fast LTE* Celcom, pelanggan tidak perlu mencari-cari lagi pelan yang dapat memenuhi keperluan digital mereka,” kata beliau.

Pelan Celcom *FIRST™* boleh dilanggan melalui mana-mana cawangan Blue Cube dan juga *Celcom Certified Partners*. Untuk maklumat lanjut mengenai pelan Celcom *FIRST™*, sila layari [www.celcom.com.my](http://www.celcom.com.my)

-Tamat-

#### **Mengenai FIRST™**

FIRST™ merupakan jenama pascabayar Celcom yang menawarkan pelan internet terbesar. Pelan FIRST™ telah direka khusus untuk memenuhi selera pengguna yang inginkan lebih banyak data serta menawarkan ciri-ciri seperti panggilan, SMS, dan penggunaan aplikasi perbualan sosial, aliran muzik, dan banyak lagi. Pelan FIRST™ didatangkan dalam variasi pakej Blue, Gold, Gold Plus, Gold Supreme, Platinum dan Platinum Plus, disokong oleh rangkaian 4G Celcom dan perkhidmatan pelanggan yang telah diiktiraf.

#### **Mengenai Celcom Axiata Berhad**

Celcom merupakan penyedia rangkaian data terkemuka di Malaysia dengan 10.2 juta pelanggan. Ditubuhkan pada 1988, syarikat berbangga dengan rangkaian nasional terluas 2G, 3G dan 4G LTE yang meliputi lebih 98% kawasan berpenduduk. Sebagai penyedia perkhidmatan jalur lebar mudah alih dan korporat terbesar pada masa ini, Celcom kini bergerak maju ke arah perkhidmatan pelbagai akses dan multimedia bersepadu, selari dengan teknologi dan perilaku pengguna di Malaysia yang berevolusi. Budaya yang mengutamakan pelanggan dapat dilihat pada khidmat pelanggan, produk dan pengiktirafan korporat lain di peringkat serantau. Celcom merupakan sebahagian daripada Syarikat Kumpulan Axiata, salah satu syarikat telekomunikasi terbesar di dunia, dengan lebih 320 juta pelanggan merentasi 10 pasaran Asia. Untuk maklumat lanjut, layari <http://www.celcom.com.my>.

Siaran Berita dikeluarkan oleh Bahagian Komunikasi Korporat Celcom Axiata Berhad. Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi Rohizan Ismail @ +60133449690 atau Benedict Ng @ +60192202521/ [benedict.ng@celcom.com.my](mailto:benedict.ng@celcom.com.my).